

# Bentuk komuniti digit

**PETALING JAYA:** Keluarga Malaysia diseru memainkan peranan menangani ancaman dan jenayah siber dengan membentuk sahsiah dan kawal sendiri bagi menyemai serta mengukuhkan kesepaduan komuniti dalam ekosistem siber.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, rasa bertanggungjawab terhadap penggunaan teknologi digital penting bagi mewujudkan persekitaran siber yang positif dan sejahtera.

Beliau menyifatkan teknologi digital banyak membantu melancarkan aktiviti hari-

an, tetapi penyalahgunaan teknologi masih berlaku dengan berleluasa.

“Ketika negara dilanda pandemik Covid-19, kebanyakan ahli Keluarga Malaysia telah beralih ke arah penggunaan teknologi digital dalam setiap aspek kehidupan mereka. Keadaan ini menyebabkan berlakunya transformasi pada pola komunikasi dan sosial, norma baharu.

“Namun, situasi ini telah menyebabkan kebanyakan kita alpa dalam untuk menjaga adab dan etika walaupun dalam dunia siber.

# al harmoni - PM

"Teknologi digital banyak membantu serta melancarkan aktiviti kita, tetapi penyalahgunaan teknologi masih berlaku termasuklah dalam penggunaan Internet dan media sosial oleh mereka yang tidak bertanggungjawab, sehingga muncul pelbagai jenis ancaman serta jenayah siber," katanya menerusi akaun Facebook miliknya, semalam.

Beliau berkata demikian sempena sambutan Hari Keselamatan Internet 2022 Edisi Malaysia yang bertemakan K.I.T.A Siber.

Justeru, katanya, Keluarga

Malaysia perlu memainkan peranan untuk membentuk sahsiah dan kawal sendiri bagi menyemai serta mengukuhkan kesepaduan komuniti dalam ekosistem siber agar ancaman dan jenayah siber dapat ditangani.

"Saya menyeru kepada Keluarga Malaysia supaya terus memupuk sikap kebertanggungjawaban ke atas diri sendiri dan orang lain dengan mengamalkan kaedah komunikasi, mengambil kira inklusif dan tanggungjawab di samping meningkatkan keakraban bagi membentuk komuniti digital yang harmoni," katanya.